

01 AUG 2002

MAHATHIR TIBA DI LANGKAWI UNTUK LID 2002

LANGKAWI, 1 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini hari ini untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi 2002 (LID 2002).

Ketibaan Dr Mahathir disambut Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, exco kerajaan negeri, penasihat Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MiGHT) Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman dan ketua eksekutif Perkongsian Komanwel Bagi Teknologi Tinggi (CTPM) Datuk Dr Mihaela Smith.

Sebaik turun daripada pesawat eksekutif, Dr Mahathir disambut dengan paluan kompong.

Dr Mahathir kemudiannya menaiki kenderaan pancuan empat roda ke Teluk Burau untuk meninjau projek perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan kompleks membeli-belah bersepadu dengan puncak gunung Machinchang setinggi 708 meter.

-- BERNAMA
NH AFY LAT